


# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

03 SEPT 2016  
SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	KEMAJUAN JOHOR PERLU SEIMBANG	2



# KOSMO

Kosmo 30/9/16

Kerajaan negeri ambil kira pembangunan sosial ke arah negeri maju

## Kemajuan Johor perlu seimbang

**PASIR GUDANG** — Kerajaan negeri bukan hanya menumpukan perhatian terhadap pembangunan ekonomi komersial semata-mata sahaja malah turut mengimbangi pembangunan sosial sekali pun mencapai kemajuan daripada semua aspek.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kerajaan negeri sentiasa mengambil pendekatan membantu golongan yang memerlukan dengan memberi fokus kepada program bersifat pendidikan, keusahawanan, sukarelawan, kebajikan dan lain-lain sekaligus dapat mewujudkan

suasana ceria.

Oleh itu, kerajaan negeri sentiasa prihatin dan melihat kesusahan yang dihadapi golongan yang memerlukan terutamanya mereka yang kurang berkemampuan.

"Maka hari ini, dengan sumbangan yang diberikan oleh Yayasan Pasir Gudang (YPG) sedikit sebanyak dapat meringankan beban golongan memerlukan sempena Aidiladha yang bakal menjelma tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya Aidil Adha di Dewan Taman Cendana, Pasir Gudang semalam.

Turut hadir ialah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim dan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Normala Abdul Samad.

Pada majlis itu, seramai 200 golongan memerlukan yang terdiri daripada pelbagai kaum dan penerima di bawah pentadbiran MPPG menerima sumbangan wang tunai dan barang keperluan harian melibatkan peruntukan sebanyak RM40,000.



MOHAMED Khaled (dua, kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima daripada golongan kurang bernasib baik di Dewan Taman Cendana, Pasir Gudang semalam.

